



Pameran Manuskip Melayu UPM

Mohd. Noor yang mewakili Ketua Pengarah Arkib Negara, Azemiz Abdul Aziz, pada 25 Mei lalu.

Zaidin berkata, manuskip manuskip lama adalah bahan penting yang menjadi pelengkap kepada sejarah negara.

"Manuskip adalah bahan sejarah yang mengandungi maklumat penting seperti pentarikhkan, catatan hubungan nusantara dan aktiviti tamadun asal yang wujud sekian lama.

"Oleh kerana itu, bahan-bahan seperti ini perlu didedahkan kepada generasi muda agar mereka dapat mengenali dan mengkaji asal usul Melayu.

"Pameran ini merupakan satu jaringan kerjasama dengan pihak-pihak penyimpan koleksi seperti UPM. Arkib Negara akan sedia memberi khidmat kepada para bagi pemeliharaan dan pemuliharaan untuk melindungi manuskip-manuskip tersebut," katanya.

Sementara itu, Pengarah Muzium Warisan Melayu, Dr. Mohamad Pauzi Abd. Latif memberitahu kerjasama antara pihaknya dengan Arkib Negara merupakan satu platform yang memberi peluang kepada orang awam untuk menyaksikan sendiri keunikan manuskip Melayu.

"20 naskhah yang terdapat pada

MANUSKIP dan penulisan-penulisan Melayu merupakan bahan penting yang perlu dilindungi dan dipelihara bagi mengelak ia hilang ditelan zaman.

Disebabkan itu, pelbagai usaha pemeliharaan dan pemuliharaan telah dijalankan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta serta persatuan berkaitan, bagi memastikan manuskip dan bahan penulisan pra sejarah ini dapat dinikmati generasi akan datang.

Terbaru, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi telah mengambil inisiatif menganjurkan Pameran Manuskip Melayu bertempat di Muzium Warisan Melayu UPM.

Pameran yang menampilkan 20 naskhah manuskip Melayu lama itu dibuka kepada orang ramai sejak 13 Mei lalu dan akan berakhir pada 13 Ogos ini.

Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Prof. Madya Dr. Zambri Ahmad berkata, pameran itu diharap memberi motivasi kepada golongan muda agar mereka dapat menghargai tamadun Melayu.

"Mesej yang cuba disampaikan adalah orang Melayu zaman dahulu amat bijak. Ini dibuktikan menerusi tinggalan sejarah seperti manuskip dan senjata yang berusia beratus tahun lamanya."

"Terdapat banyak inovasi (pada zaman dahulu) dihasilkan yang menggambarkan kebijaksanaan orang Melayu zaman dahulu dan ini perlu dihargai generasi baharu," jelasnya.

Majlis pelancaran pameran tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Seksyen Penyelidikan Khas Arkib Negara, Zaidin

pameran itu adalah edisi asal yang tidak mempunyai salinan. Kerana itu, orang ramai dialu-alukan untuk hadir menyaksikan sendiri kehebatan manuskip yang berusia ratusan tahun.

"Kehebatan orang Melayu tidak sekadar terletak pada budaya, rumah dan tradisi. Manuskip juga adalah elemen penting yang membuktikan kehebatan bangsa Melayu pada zaman dahulu," ujarnya.

Orang ramai yang berminat dan ingin menyaksikan sendiri bentuk manuskip Melayu lama dan kandungan asalnya, boleh mengunjungi pameran tersebut di Muzium Warisan Melayu, UPM. - AL FAIZAL



"PAMERAN ini merupakan satu platform pengenalan kepada semua orang termasuk pelajar untuk mendalami dan melihat sendiri manuskip lama yang mana mempunyai nilai yang amat tinggi.

"Melalui pameran manuskip ini, kita akan dapat mengumpul pengalaman dan informasi tentang pelbagai bidang ilmu seperti sains dan teknologi dan budaya asal Melayu."

IZZAH ARIFAH ABD. RAHMAN, 23



"PAMERAN manuskip ini amat berbeza dengan pameran yang pernah saya kunjungi sebelum ini. Saya menggemari dan ingin mendalami sejarah Melayu."

"Ini merupakan peluang yang baik kepada generasi muda untuk mengenal jati diri dan mengetahui lebih mendalam tentang sejarah asal usul negara."

CHEE JIN SOON, 23

DR. MOHAMAD PAUZI menerangkan kepada Zaidin tentang keunikan manuskip yang dipamerkan.

